



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK WAHID BIN MOHD REBIN,  
PENGERUSI PERSATUAN MUZIK KEMPLING KAMPUNG PARIT KASSAN  
MENGENAI SENI MUZIK KEMPLING, DALAM SENI KEBUDAYAAN MUZIK  
MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG PARIT KASSAN, LEDANG, JOHOR**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**RAZANOOR AMIESYA HANA BINTI ABD RAZAK    2011995931  
KU NURIZZATY BINTI KU ROSLI                        2011335627**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, KAMPUS SEGAMAT, JOHOR  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 (DOKUMENTASI SEJARAH LISAN)**

**SEMESTER 05 (MAC 2013 – JULAI 2013)**

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	i
BIODATA PENEMURAMAH .....	ii
ABSTRAK .....	1
PENGENALAN .....	2
TRANSKRIP WAWANCARA	
<i>KASET 1 BAHAGIAN A</i> .....	4
<i>KASET 1 BAHAGIAN B</i> .....	17
<i>KASET 2 BAHAGIAN A</i> .....	28
<i>KASET 2 BAHAGIAN B</i> .....	37
LOG WAWANCARA .....	60
BIODATA PENGKISAH .....	66
SENARAI SOALAN WAWANCARA .....	67
RALAT .....	74
SENARAI RUJUKAN .....	75
LAMPIRAN .....	76
INDEKS .....	84

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah segala pujian hanya bagi Allah yang telah mengurniakan pelbagai nikmat dan rahmat kepada hambanya serta selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmatNya dapat juga kami menjalankan dan menyiapkan rakaman perbualan dan menghasilkan sebuah transkrip. Walaupun pada awalnya terdapat beberapa masalah yang kami tempuhi.

Di sini ingin kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kepada Encik Wahid bin Mohd Rebin di atas kesudian beliau meluangkan masa untuk diwawancara. Terima kasih juga kepada pensyarah kami, Puan Azura binti Kamarudzaman kerana banyak membantu kami dengan dalam penyediaan soalan dan memberi panduan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan dan menghasilkan transkrip ini.

Di samping itu kami juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada ibu bapa kami dan keluarga yang banyak membantu memberi dorongan dan sokongan dalam penyediaan transkrip ini.

Akhir kata, tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah banyak memberi pertolongan dari segi masa, tenaga, peralatan dan sebagainya. Segala pertolongan, sumbangan dan kerjasama kami dahulukan dengan berbanyak-banyak terima kasih.

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Encik Wahid bin Mohd Rebin, Pengurus Persatuan Kempling Kampung Parit Kassan mengenai "Seni muzik kempling, satu kesenian kebudayaan muzik masyarakat Jawa". Seni muzik kempling merupakan satu kesenian muzik yang berasal dari Jawa, Indonesia dan telah lama bertapak di Kampung Parit Kassan. Temubual yang dijalankan bertujuan untuk menyingkap tentang asal usul sebenar seni muzik kempling, keunikan muziknya di kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Kassan. Selain itu, temubual ini juga merungkai tentang cara pembuatan Kempling, dimana ia di persembahan, seni melodi muzik kempling yang mengandungi unsur-unsur Islamik dan mesej-mesej tertentu yang boleh dijadikan amalan hidup masyarakat terutamanya masyarakat Jawa di Kampung Parit Kassan. Selain itu, tujuan asal temubual ini dijalankan adalah untuk mendedahkan seni muzik Kempling ini agar tidak pupus ditelan zaman dan berharap golongan muda akan datang tidak terlepas dari mengetahui keunikan seni muzuk Kempling ini.*

**Kata Kunci:** *Encik Wahid bin Mohd Rebin, Kempling, Kampung Parit Kassan, Masyarakat Jawa,*

## PENGENALAN

Sejarah lisan boleh dilakukan dengan dua cara iaitu dengan menulis dan merekodkan dengan menggunakan perakam kaset. Sejarah lisan merupakan satu kaedah mengumpul dan memelihara maklumat sejarah dengan merekodkan temubual bersama tokoh-tokoh yang terlibat dengan peristiwa bersejarah. Sejarah lisan juga merupakan gambaran peristiwa bersejarah oleh mereka yang secara langsung terlibat dalam peristiwa dalam peristiwa sejarah tersebut.

Pada masa kini alat perakam kaset selalu digunakan dan lebih praktikal digunakan untuk menjalankan sejarah lisan. Ini kerana ia mudah digunakan oleh semua orang dan kaset mempunyai daya ketahanan yang lama dan boleh disimpan untuk jangka masa yang lama. Sejarah lisan adalah sangat penting di mana ia membantu memelihara memori peristiwa sejarah yang samar untuk dijadikan bahan bukti sejarah. Sejarah lisan juga membantu dalam penyediaan maklumat sejarah pada rekod bertulis dan memainkan peranan sebagai bahan rujukan utama untuk para penyelidik.

Kami telah menjalankan sejarah lisan bersama Encik Wahid bin Rebin seorang pesara yang telah lama berkecimpung dalam seni muzik Kempling sejak berusia 15 tahun. Sepanjang penglibatan beliau dalam seni muzik Kempling, beliau bersama-sama rakan seperjuangan seni muzik Kempling telah banyak membuat persembahan muzik di majlis-majlis keraian, majlis merewang dan juga pernah dijemput untuk membuat persembahan di RTM.

Kempling merupakan salah satu kesenian masyarakat Jawa yang telah wujud sejak dahulu lagi dan kini hampir dilupakan oleh masyarakat itu sendiri. Permainan kempling ini berasal dari Indonesia dan telah bertapak di Kampung Parit Kassan. Oleh itu, terdapat pelbagai inisiatif yang dilakukan untuk menghidupkannya agar tidak pupus dari ingatan generasi yang ada. Perkataan kempling ini mempunyai maksudnya yang tersendiri iaitu bermaksud alunan irama yang mengasyikkan.